

**BAHAGIAN A**  
[ 20 markah ]

- 1 Antara berikut yang manakah menunjukkan hikmah kerahsiaan alam ghaib?
  - A Dapat meningkatkan ilmu pengetahuan manusia.
  - B Dapat membentuk keazaman dan keteguhan diri
  - C Dapat mengekalkan keindahan alam semulajadi.
  - D Dapat membentuk masyarakat yang berbudaya.
- 2 Pilih proses yang betul tentang kejadian insan menurut al-Quran.
  - A Nutfah - mudghah - tulang berbalut daging - alaqah - bayi.
  - B Nutfah - alaqah - mudghah - bayi - tulang berbalut daging.
  - C Nutfah - mudghah - alaqah - tulang berbalut daging - bayi.
  - D Nutfah - alaqah - mudghah - tulang berbalut daging - bayi.
- 3 Berikut adalah tujuan mengetahui ciri-ciri wahyu **kecuali**
  - A Menolak ajaran sesat.
  - B Menangkis dakwaan nabi palsu.
  - C Meyakini kebenaran wahyu adalah mutlak.
  - D Mendapat keberkatan daripada Allah SWT.
- 4 Antara yang berikut yang manakah ciri sistem sosial Islam?
  - A Bertoleransi dalam semua hal.
  - B Pergaulan berdasarkan tuntutan wahyu.
  - C Mengutamakan individu daripada umum.
  - D Mengamalkan adat resam pelbagai kaum.
- 5 Berikut adalah peraturan dalam pemilikan harta **kecuali**
  - A mesti dikembangkan dengan cara yang betul.
  - B menunaikan perkara yang wajib ke atasnya
  - C hendaklah dibelanjakan dengan berhemat.
  - D disimpan keseluruhannya.

SULIT

6 Antara yang berikut yang manakah merupakan perkara-perkara yang merosakkan harta?

- I Membelanjakan harta secara tidak berhemat.
  - II Mengabaikan hak yang wajib ke atas harta.
  - III Membekukan wang yang dimiliki.
  - IV Merosakkan kemudahan awam.
- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV

7

- Manusia dapat saling berhubung.
- Manusia dapat saling mengenali.
- Manusia dapat saling menolong.

Pernyataan di atas adalah merujuk kepada

- A Kepentingan sistem muamalah.  
B Keperluan muamalah Islam.  
C Matlamat muamalah Islam.  
D Tujuan sistem muamalah.

8 Antara yang berikut yang manakah cara bagi menjamin kehormatan dan maruah diri?

- I Larangan menghina dan menjatuhkan maruah seseorang.
  - II Melarang umatnya berakhlak buruk seperti hasad dengki.
  - III Menjatuhkan hukuman sebat atau rejam kepada penzina.
  - IV Menjaga batas-batas pergaulan dan percakapan.
- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV

9 Kekuatan dalaman yang perlu dimiliki oleh setiap individu untuk menangani ancaman budaya asing ialah

- A akidah mantap.  
B berakhlak mulia.  
C amar makruf nahi mungkar.  
D penguatkuasaan undang-undang.

10

Di bawah pemerintahan Islam, orang bukan Islam bebas mengamalkan ajaran agama, adat dan budaya.

Pernyataan di atas menerangkan tentang prinsip \_\_\_\_\_.

- A** 'Alamiyyah.
- B** Waqi'iyyah.
- C** Syumuliyyah.
- D** Rabbaniyyah.

11 Antara berikut yang manakah merupakan tanggungjawab suami dalam sebuah rumah tangga?

- A** Bertolak ansur dan berunding sebelum membuat keputusan.
- B** Memberikan didikan agama dengan sempurna kepada ahli keluarga.
- C** Menjauhi perkara mungkar untuk mengelakkan kemurkaan Allah SWT.
- D** Memberi kasih sayang kepada anak-anak tanpa membeza-bezakan mereka.

12

Diriwayatkan oleh seorang yang dituduh pendusta, melakukan perbuatan fasik dan pelupa.

Ciri-ciri di atas adalah merujuk kepada hadis \_\_\_\_\_.

- A** sahih.
- B** dhaif.
- C** hassan.
- D** mutawatir.

13

Perkara luar biasa yang berlaku kepada umat Islam tanpa diusahakan untuk mempelajarinya.

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian \_\_\_\_\_.

- A** karamah.
- B** ma'unah.
- C** sihir.
- D** irhas.

14

- Pembalasan yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.
- Melindungi jiwa yang tidak berdosa daripada dizalimi.

Pernyataan di atas menerangkan kepentingan hukum

- A hudud.
- B takzir.
- C qisas.
- D diat.

15 Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan bukti ajaran Islam bersifat syumul?

- I Mewajibkan ibadat umum kepada setiap individu.
  - II Mengharuskan perhubungan antarabangsa.
  - III Mengharamkan monopoli dan manipulasi.
  - IV Melaksanakan hukuman yang adil.
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

16

"Sesiapa yang berjalan mencari ilmu nescaya Allah SWT permudahkan jalannya ke syurga."  
(Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Maksud hadis di atas merujuk kepada

- A cara mencari ilmu.
- B hukum mencari ilmu.
- C galakan mencari ilmu.
- D disiplin mengamalkan ilmu.

17 Antara berikut yang manakah cara berdakwah yang berkesan?

- I** Mengadakan perbincangan dan perbahasan yang baik.
  - II** Sentiasa mewujudkan hubungan baik sesama manusia.
  - III** Memberi nasihat yang baik melalui contoh teladan yang terpuji.
  - IV** Menyalurkan khidmat amal kebajikan yang dapat memenuhi keperluan masyarakat.
- A** I, II dan III
  - B** I, II dan IV
  - C** I, III dan IV
  - D** II, III dan IV

18

Sikap membesar diri seperti sombang dan angkuh dengan perkara kebaikan yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Pernyataan di atas adalah merujuk kepada maksud

- A** riak.
- B** ujub.
- C** sum'ah.
- D** Takbur.

19 Antara berikut yang manakah merupakan contoh ibadat umum?

- A** Membaca al-Quran.
- B** Bekerja sendiri.
- C** Berzikir.
- D** Puasa.

20

"Kontrak jual beli untuk membeli sesuatu barang dengan bayaran secara tertangguh termasuk keuntungan "

Pernyataan di atas merujuk kepada maksud

- A** al-Bai' bithaman ajil.
- B** al-Musyarakah.
- C** al-Murabahah.
- D** al-Wadiyah.

**BAHAGIAN A**  
**Bahagian B**  
(20 markah)

**Soalan 21 hingga Soalan 24**

*Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan.*

- 21 Mewakilkan sesuatu barang atau harta yang berharga kepada pihak lain untuk disimpan dan diurus.
- 22 Kefahaman tentang hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid yang diambil daripada dalil-dalil syarak.
- 23 Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan al-Quran dan Hadis.
- 24 Perkara luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada para nabi dan rasul.

**Soalan 25 hingga Soalan 30**

*Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.*

- 25 Islam dan seluruh makhluk merupakan hak kepunyaan Allah SWT merupakan prinsip \_\_\_\_\_
- 26 Agama \_\_\_\_\_ ialah ajaran hasil daripada pemikiran manusia.
- 27 Islam mewajibkan umatnya supaya \_\_\_\_\_ bagi memenuhi keperluan hidup mereka.
- 28 Allah SWT menetapkan hukum \_\_\_\_\_ supaya umat Islam bijak membuat pilihan.

**Soalan 29 dan Soalan 30 berdasarkan Jadual 1 di bawah.**

*Tulis jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.*


**Jadual 1** menerangkan pekerjaan yang digalakkan dalam Islam

A	B
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Risiko untung rugi ditanggung bersama</li> <li>- Pendapatan tetap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bebas membuat keputusan</li> <li>- Tidak terikat dengan waktu dan tempat</li> </ul>

**Jadual 1**


- 29 A ialah \_\_\_\_\_

- 30 B ialah \_\_\_\_\_

**Soalan 31 dan Soalan 32***Tulis jawapan yang betul dalam ruangan yang disediakan.***Carta 1** adalah berkaitan tentang rasul Ulul Azmi.


31 P ialah \_\_\_\_\_

32 Q ialah \_\_\_\_\_

**Soalan 33 dan 34***Tulis jawapan yang betul dalam ruangan yang disediakan.***Carta 2** di bawah merujuk kepada langkah penyelesaian masalah.

33 R ialah \_\_\_\_\_

34 S ialah \_\_\_\_\_

**Soalan 35 hingga 36***Tulis jawapan yang betul dalam ruangan yang disediakan.***Carta 3** menunjukkan peraturan keterangan dalam etika kehakiman.**Carta 3****35** T ialah \_\_\_\_\_**36** U ialah \_\_\_\_\_**Soalan 37 hingga 40***Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.**Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.*

<b>37</b>	Paksi utama keimanan kepada tauhid Rububiyyah ialah kalimah syahadah.	<input type="checkbox"/>
<b>38</b>	Hadis Dhaif tidak boleh dijadikan hujah bagi soal-soal yang berhubung dengan akidah.	<input type="checkbox"/>
<b>39</b>	Al-Ijarah merupakan satu cara untuk menolong orang yang memerlukan sesuatu barang.	<input type="checkbox"/>
<b>40</b>	Anak yatim yang telah dewasa tidak layak menguruskan harta yang diwarisinya.	<input type="checkbox"/>

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

Markah Bahagian B

**KERTAS JAWAPAN BAHAGIAN A**

- |     |   |   |   |   |     |   |   |   |   |
|-----|---|---|---|---|-----|---|---|---|---|
| 1.  | A | B | C | D | 11. | A | B | C | D |
| 2.  | A | B | C | D | 12. | A | B | C | D |
| 3.  | A | B | C | D | 13. | A | B | C | D |
| 4.  | A | B | C | D | 14. | A | B | C | D |
| 5.  | A | B | C | D | 15. | A | B | C | D |
| 6.  | A | B | C | D | 16. | A | B | C | D |
| 7.  | A | B | C | D | 17. | A | B | C | D |
| 8.  | A | B | C | D | 18. | A | B | C | D |
| 9.  | A | B | C | D | 19. | A | B | C | D |
| 10. | A | B | C | D | 20. | A | B | C | D |

BAHAGIAN A